

NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2016

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah keluasan tanah Kerajaan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dijual dan dibangunkan sepanjang tempoh 3 tahun lalu, nyatakan nama pembeli, harganya dan lokasi.

JAWAPAN : YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil semakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) didapati sebanyak 64 lot tanah Kerajaan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diluluskan pemberimilikan kepada sama ada individu, syarikat atau perbadanan pada tahun 2014 dan sebanyak 68 lot lagi pada tahun 2015. Seterusnya sepanjang tahun 2016 pula, terdapat sebanyak 42 lot tanah Kerajaan yang telah diluluskan pemberimilikannya.

Kerajaan tiada obligasi dalam menentukan perancangan serta pembangunan yang akan dijalankan ke atas tanah-tanah yang telah diberimilik. Walau bagaimanapun Kerajaan akan sentiasa memantau supaya pembangunan tanah dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara 1965.

Sekian, terima kasih.